

SEARA KONTEMPORARI

# Kosmo!

TARIKH	18 / 07 / 2016	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	1748	RUANGAN	



API menjulang dalam kebakaran di sebuah hotel di Mekah semalam.

## Hotel di Mekah terbakar, struktur bangunan jatuh di jalan raya

SEBUAH hotel di Mekah, Arab Saudi mengalami kebakaran dengan gambar dan klip video insiden itu dikongsikan oleh orang awam di laman sosial semalam.

Sekeping gambar di laman Twitter menunjukkan kepulan asal tebal keluar dari bangunan tersebut yang boleh dilihat sehingga beberapa blok bangunan dari tempat kejadian.

Beberapa kepingan struktur bangunan dilihat terjatuh ke jalan raya berdekatan. Puncak kebakaran masih belum dilaporkan.

Pihak Pertahanan Awam Arab Saudi mengesahkan bangunan tersebut kosong ketika kebakaran berlaku.

TARIKH	18 / 07 / 2016	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	1748	RUANGAN	

## Hotel di Mekah terbakar lagi

**M**EKAH — Sebuah hotel di Mekah berdekatan daerah Al-Shawkiya dilaporkan terbakar menerusi beberapa gambar dan video yang dikongsikan oleh orang awam di laman sosial semalam.

Satu gambar di Twitter menunjukkan kepelan asal tebal keluar dari bangunan tersebut.

Asap tebal tersebut boleh dilihat sehingga beberapa blok bangunan dari tempat kejadian. Beberapa kepingan struktur bangunan dilihat terjatuh ke jalan raya berdekatan.

Punca kebakaran masih belum dilaporkan.

Walaupun pasukan bomba tiba awal di lokasi kejadian dan cuba memadamkan api yang marak dengan cepat, namun bangunan itu gagal dilematkan.

"Kebakaran itu memusnahkan keseluruhan bangunan menyebabkan kerugian besar terhadap pemiliknya. Bagaimanapun, tiada kewalangan jiwa dilaporkan," kata jurucakap Palang Merah Mekah, Abdulaziz Baduman.

Sementara itu, media tempatan Okayz melaporkan pihak bomba berjaya mengawal kebakaran daripada merebak ke bangunan berhampiran.

Penduduk tempatan pula menyatakan hotel tersebut merupakan bangunan terbiasa.

Media tempatan, Al-Madina melaporkan pihak Pertahanan Awam Arab Saudi mengesahkan bangunan tersebut kosong ketika kebakaran berlaku, manakala siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengetahui punca kebakaran. — Agensi



AGENSI

GAMBAR yang dimuat naik di laman Twitter menunjukkan kebakaran hotel di daerah Al-Shawkiya, Mekah semalam (kiri) manakala kerja memadam api giat dijalankan (kanan).